

## **DSPACE-CRIS: PERISIAN SISTEM REPOSITORI MAKLUMAT PENYELIDIKAN**

**Oleh: Muhammad Akmal Ahmat, Bahagian Pendigitalan dan Repotori**

Penggunaan perisian sumber terbuka untuk sistem repositori versi baharu *DSpace* yang dikenali sebagai *DSpace-CRIS* telah banyak diberi perhatian oleh pengkaji sistem dan telah banyak membuka mata pelbagai organisasi pengurusan penyelidikan. Penggunaan *DSpace-CRIS* direkodkan sebagai langkah terbaik dalam melestarikan dan menaiktaraf kerja-kerja mengindeks kandungan digital bahan penyelidikan dengan lebih cekap, pintar dan interaktif sesuai keperluan pada zaman kecerdasan buatan (*AI*). *DSpace-CRIS* juga dikenal pasti bukan saja berperanan mengurus kandungan maklumat mengikut standard *Open Archives Initiative - Protocol for Metadata Harvesting (OAI-PMH)* semata-mata malah sudah berkembang mengikut spesifikasi dan kerangka model sistem yang baharu. Ianya telah diguna pakai oleh institusi-institusi penyelidikan benua Eropah dan telah mewujudkan satu piawaian kerangka model yang baharu iaitu dikenali sebagai *the Common European Research Information Format (CERIF) Data Model*. *DSpace-CRIS* juga dilihat satu-satunya perisian sumber terbuka yang pertama berjaya memenuhi keperluan agenda *Next Generation Repository (NGR) Technologies* seperti mana dipersetujui oleh universiti-universiti penyelidikan di seluruh dunia melalui keanggotaan kesatuan advokasi *Open Access* yang dikenali sebagai *The Confederation of Open Access Repositories (COAR)* sejak tahun 2016. Penggunaan perisian *DSpace-CRIS* juga dilihat sebagai langkah terkehadapan untuk menjadikan keterlihatan bahan penyelidikan bukan sahaja disaling-kendalikan (*interoperable*) dengan pelbagai jenis enjin pencarian yang semakin pintar malah disokong dengan kebolehgunaan aplikasi dalam memaparkan pelbagai jenis indikator prestasi bahan-bahan penyelidikan secara interaktif berdasarkan *system plugin* yang telah dibangunkan. (Galimberti & Mornati, 2017; Next Generation Repositories Working Group, 2017; Piščanc et al., 2017)

Selain itu, kebanyakan universiti penyelidikan antarabangsa yang sedang meningkat naik dari segi ranking impak penulisan penyelidikan dan rujukan data penyelidikan, kini telah menggunakan *DSpace-CRIS*. Misalnya, *Hong Kong University (HKU)* sendiri telah menjadi perintis paling aktif membangunkan pelbagai tetapan fungsi *DSpace-CRIS* bagi memaparkan pelbagai impak penulisan penyelidikan dan data penyelidikan. HKU juga menjadi model rujukan utama pengguna dari institusi lain dalam membangunkan sistem repositori yang menyediakan banyak kefungsian kepada pengguna selepas berjaya membangunkan tetapan fungsi perisian *DSpace-CRIS* secara optimum. Hal ini berbeza dengan *University of Glasgow* dan *University of Sussex* yang kekal menggunakan perisian *EPrints*; namun, ianya masih tidak dapat bersaing dengan penyediaan kefungsian yang meluas (*extensive*) seperti mana disediakan oleh *DSpace-CRIS* dan *PURE* - satu sistem repositori yang dibangunkan oleh *Elsevier* (De Castro, Shearer, & Summann, 2014). Selain itu, *Repositório Digital Universidade Federal do Rio Grande do Sul LUME* dan *Kyoto University Research Information Repository* pula merupakan institusi yang sedang menggunakan perisian *DSpace-CRIS* paling berjaya mencatatkan peningkatan penggunaan sistem repositori kerana menduduki tangga ke 8 dan 11 dunia dalam *World Transparent Ranking of Repositories: All Repositories* (November 2018); walhal sebelum ini universiti-universiti tersebut kurang dikenali dalam hal ehwal sistem repositori. Kejayaan dan pencapaian yang luar biasa dalam ranking webometriks bagi kategori sistem repositori ini merupakan petunjuk bahawa *DSpace-CRIS* adalah pilihan tepat.

Sementara itu, kebanyakan universiti penyelidikan antarabangsa yang menggunakan perisian *DSpace-CRIS* kini lebih aktif bergerak secara komuniti dan sentiasa mengemaskini setiap tahun dalam membangunkan secara teknikal perisian *DSpace-CRIS* sebagai sebuah sistem repositori yang penting untuk membantu

menaikkan ranking penerbitan penyelidikan. Berdasarkan rekod semasa, sejumlah 41 universiti dan agensi penyelidikan telah menggunakan *DSpace-CRIS (full version)* dan 2,649 universiti dan agensi penyelidikan pula masih kekal dengan perisian *DSpace-CRIS (basic version)*. Sehingga kini penggunaan perisian tersebut telah meningkat setiap tahun sehinggakan diiktiraf oleh agensi kawalan kualiti pengurusan data antarabangsa di peringkat Eropah yang dikenali sebagai *EuroCRIS - The International Organisation for Research Information* dan juga agensi dibawah seliaan Kerajaan United Kingdom yang dikenali sebagai *Digital Curation Centre (DCC)* sebagai sebuah perisian sistem repositori yang terbaik digunakan bagi mengurus tadbir maklumat penyelidikan serta data-data penyelidikan. Di Malaysia pula, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) merupakan universiti pertama yang terkehadapan dilihat menggunakan perisian versi *DSpace-CRIS* ini. Namun begitu, kefungsian perisian yang digunakan adalah masih *basic version* dan belum dioptimumkan sepenuhnya seperti mana *Hong Kong University*.

Seperti mana sedia maklum, *Elsevier* yang dikenali sebagai sebuah syarikat penerbitan ilmiah terbesar dunia juga menawarkan perisian sistem repositori seumpamanya dikenali sebagai *Digital Commons* dan *PURE*. Namun, *Digital Commons* dan *PURE* adalah sistem yang bersifat *proprietary* dan bukan sumber terbuka. *Elsevier* mendakwa perisian *Digital Commons* dan *PURE* lebih interaktif dan termaju walhal *DSpace-CRIS* yang bersifat sumber terbuka terlebih dahulu menawarkan tetapan fungsi yang interaktif dan termaju menepati piawaian agensi kerjasama serantau pembangunan sistem repositori dan *Research Data Management (RDM)*.

Antara kemudahan *DSpace-CRIS* yang ditawarkan adalah seperti berikut: -

- i. Pengguna boleh daftar dan akses sistem secara *Single Sign On*
- ii. Pengguna boleh mewujudkan profil penyelidik sendiri berdasarkan halaman Jabatan dan geran projek dan anugerah yang diterima.
- iii. Pengguna boleh *self-archive/self-deposit* bahan-bahan yang hendak dikongsikan kepada umum.
- iv. Pengguna boleh *customize* akses terhad atau akses terbuka bagi teks penuh (*pdf*) bahan yang didepositkan.
- v. Pengguna boleh memaut data penyelidikan dengan *plugin* sistem lain yang dibenarkan seperti ORCiD, Scopus, WebOfScience, ArXiv, CrossRef dan banyak lagi
- vi. Pengguna boleh melihat paparan *dashboard* untuk menunjukkan prestasi penyelidik dan senarai penerbitannya dalam bentuk grafik metrik yang interaktif.
- vii. Pengguna boleh *import/export* metadata bahan daripada/kepada pelbagai sumber sistem komputer.
- viii. Pengguna boleh *export* maklumat bibliografi bahan ke perisian pengurusan bibliografi seperti *Endnote/Mendeley* untuk memudahkan kajian literatur.
- ix. Pengguna boleh mengekstrak maklumat penyelidikan yang dipaparkan kepada *curriculum-vitae* sebagai penyelidik.

Itu saja berkenaan *DSpace-CRIS*, perisian sistem repositori maklumat penyelidikan yang sedang berkembang pesat menyokong aktiviti pengindeksan kandungan maklumat, data penyelidikan, dan aktiviti sains terbuka.

### **Senarai Rujukan**

- De Castro, P., Shearer, K., & Summann, F. (2014). The gradual merging of repository and CRIS solutions to meet institutional research information management requirements. *Procedia Computer Science*, 33, 39-46.
- Galimberti, P., & Mornati, S. (2017). The Italian model of distributed research information management systems: a case study. *Procedia Computer Science*, 106, 183-195.
- Next Generation Repositories Working Group. (2017). *Behaviours and Technical Recommendations of the COAR Next Generation Repositories*. Retrieved from Northern Lights, Norway: <https://www.coar-repositories.org/files/NGR-Final-Formatted-Report-cc.pdf>
- Piščanc, J., Trampus, R., Balbi, L., Mennielli, M., Mornati, S., Pasarelli, L. A., & Bollini, A. (2017). Regional Portal FVG: effective interoperability through DSpace-CRIS and open standards. *Procedia Computer Science*, 106, 82-86.